

21/01/2000

Malaysia terima lawatan Gusmao

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia akan menjelaskan pendiriannya terhadap Timor Timur serta memperbetulkan segala salah faham yang ditimbulkan sebelum ini, apabila Xanana Gusmao melawat negara ini bulan depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mengesahkan lawatan pemimpin pemisah Timor Timur itu berkata, Malaysia sudah bersetuju menerima secara rasmi kunjungan Gusmao ke sini pada 9 Februari ini.

"Kita akan cuba mengatur perjumpaan Gusmao dengan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas menerima baki kutipan tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK) di Wisma Putra, hari ini.

Sebelum ini ada pihak tertentu dikatakan cuba memburukkan nama Malaysia hingga pemimpin Timor Timur menganggap Malaysia tidak bersimpati dengan perjuangan mereka.

Bagaimanapun, Gusmao baru-baru ini menegaskan Timor Timur, yang bebas dan merdeka pada masa depan, mahu menjalin hubungan baik dengan negara jirannya termasuk Indonesia.

Kerajaan Indonesia melepaskan kuasanya di Timor Timur kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Oktober lalu selepas Parlimen mengesahkan keputusan pungutan suara prokemerdekaan yang diadakan oleh badan dunia itu di Timor Timur, 30 Ogos lalu.

Bulan lalu, Syed Hamid dilaporkan berkata, pemimpin Timor Timur tidak lagi memandang serong pembabitan Malaysia dalam proses pembangunan wilayah itu selepas kemerdekaannya dari Indonesia. Malah, sebelum ini Gusmao pernah menyatakan hasrat melawat Malaysia.

Ditanya apakah agenda utama dalam pertemuan antara Gusmao dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nanti, Syed Hamid berkata, tidak ada agenda khusus.

"Saya boleh mengesahkan bahawa kita bersetuju untuk menerima lawatan Gusmao dan kumpulannya ke Malaysia. Yang paling penting ialah kita berpeluang mengemaskinikan pengetahuan mengenai suasana dan perkembangan semasa yang berlaku di negara itu selain menyampaikan pandangan Malaysia.

"Kita juga akan dapat membetulkan apa juga salah faham yang ditimbulkan sebelum ini oleh pihak-pihak tertentu mengenai Malaysia di kalangan pemimpin Timor Timur itu," katanya.

Syed Hamid berkata, Gusmao melawat Malaysia sebagai mewakili sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan di bawah kawal selia PBB.

Katanya, Gusmao dan rombongannya mahu berbincang dan merapatkan diri mereka dengan suasana di rantau ini memandangkan Timor Timur berdekatan dengan Malaysia.

"Kita akan sambut mereka dan dia datang sebagai tetamu saya dan kita akan cuba mengatur perjumpaan beliau dengan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Ditanya sama ada penerima Anugerah Keamanan Nobel, Jose Ramos Horta yang sudah kembali ke Timor Timur selepas 24 tahun hidup dalam buangan akan turut sama dalam rombongan Gusmao ke Malaysia, Syed Hamid berkata pihaknya tidak tahu mengenai perkara itu.

"Pada kita, Gusmao dan kumpulannya akan melawat Malaysia. Siapa yang dia nak masukkan dalam kumpulan itu, tidak jadi masalah. Inilah keistimewaan Malaysia yang kerap disalahfaham," katanya.

Lawatan Gusmao ke Malaysia adalah sebahagian daripada kunjungannya ke beberapa negara Asean termasuk ke China, Singapura, Thailand, Korea Selatan dan Filipina.

Ramos melarikan diri tiga hari sebelum ketibaan tentera Indonesia pada 7

Disember 1975 dan menjadi pejuang pembebasan Timor Timur, menjelajah dari satu negara ke satu negara, melobi dunia supaya bersimpati dan membantu perjuangan pembebasan Timor Timur.

(END)